

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 23 JULAI 2023  
AKHBAR : SINAR AHAD  
MUKA SURAT : 5

### Ekonomi maju: Kerajaan negeri, Pusat perlu senada

## Ekonomi maju: Kerajaan negeri, Pusat perlu senada

**BAYAN LEPAS** - Pertumbuhan ekonomi negeri dan negara akan mudah berkembang dengan baik sekiranya kerajaan negeri senada dengan kerajaan Persekutuan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, ia akan memudahkan untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negeri sebagaimana Pulau Pinang.

"Pulau Pinang sudah mempunyai pemain industri selama ini selain sudah mempunyai rangkalan global.

"Oleh demikian adalah lebih mudah untuk membina kekuatan itu dan membawanya ke peringkat seterusnya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas

menghadiri Sesi Libat Urus Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 Bersama Kerajaan Pulau Pinang di sini pada Sabtu.

Selain itu, Rafizi berkata, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara baik, ia memerlukan kerjasama yang erat antara negeri dan Persekutuan kerana tiada mana-mana pihak boleh melakukannya sendiri.

"Negeri tidak boleh melakukannya sendiri dan Persekutuan tidak boleh melakukannya tanpa kerjasama negeri. Ini kita dapat lihat yang berlaku di Kedah.

"Pusat mempunyai pandangan berbeza seperti projek lapangan terbang kargo yang tidak berdaya maju dari segi ekonomi.

"Mereka (Kerajaan Kedah) mahu mendapatkan sokongan

politik mereka sampai tidak peduli sama ada ia berdaya maju atau tidak.

"Mereka hanya mempolitikkannya sedangkan ini bukan bersifat politik, ia adalah soal daya maju ekonomi," ujarnya.

Dalam pada itu, Rafizi berkata, kementerian yang diterajui beliau akan memberikan sepenuh sokongan kepada projek-projek berkaitan pembangunan infrastruktur yang bakal dilaksanakan di Pulau Pinang.

"Ini kerana projek-projek untuk meningkatkan kapasiti pengangkutan awam memang sedang dirunding dan dibangunkan secara bersama antara kerajaan Pusat dan kerajaan negeri," ujar beliau.